

UGE08/20

“KURSUS ILMU FALAK”

(KURSUS SECARA DALAM TALIAN)

1 September 2020



Gambar diatas adalah gambar disebalik tadbir pihak Urus Setia kursus dan gambar ihsan daripada peserta kursus yang sedang mengikuti kursus ini. Laporan ringkas dan gambar-gambar lain juga dimuat naik di

Facebook: Bahagian Ukur & Pemetaan, INSTUN

KETUA PROGRAM	Sr Rabiulkhair bin Mohd Nor								
PENOLONG KETUA PROGRAM PENYELARAS KANAN PROGRAM PENYELARAS PROGRAM	Sr Siti Arifah binti Abdul Kader En. Mahruzaman bin Misran En. Mohd A'bduh bin Jailani								
KUMPULAN SASAR	Pegawai dan Kakitangan di Pelbagai Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun/ Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Sektor Swasta (Gred :Terbuka)								
OBJEKTIF	Memberi pendedahan dan pengetahuan dalam bidang Ilmu Falak								
KANDUNGAN	Slot 1: Pengenalan Ilmu Falak Slot 2: Pengenalan Arah Kiblat Slot 3: Pengenalan Waktu Solat Slot 4: Pengenalan Takwim								
BILANGAN PESERTA DAN PECAHAN PESERTA	42 orang <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Agensi Kerajaan</th> <th>Agensi Swasta</th> <th>Agensi Luar Negara</th> <th>Pelajar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">28</td> <td style="text-align: center;">10</td> <td style="text-align: center;">1</td> <td style="text-align: center;">3</td> </tr> </tbody> </table>	Agensi Kerajaan	Agensi Swasta	Agensi Luar Negara	Pelajar	28	10	1	3
Agensi Kerajaan	Agensi Swasta	Agensi Luar Negara	Pelajar						
28	10	1	3						
ULASAN PKPU/ PENAMBAHBAIKAN KURSUS	Kursus Ilmu Falak yang dijalankan ini merupakan kursus akhir Seksyen Geodetik, Bahagian Ukur dan Pemetaan yang menjalankan kursus secara dalam talian. Seramai 42 orang peserta telah menyertai kursus ini. Kursus secara dalam talian ini bermula pada jam 9.00 pagi sehingga jam 4.30 petang dan dikira sebagai satu (1) hari berkursus. Pelaksanaan kursus secara dalam talian ini adalah kerana susulan daripada pandemik COVID-19 dan negara kita berada pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).								

	<p>Dua (2) jenis sistem INSTUN yang telah sedia dibangunkan untuk kaedah kursus secara <i>online</i> iaitu sistem eSPEK dan sistem eLEARN. Sistem eSPEK adalah untuk pendaftaran kursus dan penilaian kursus. Manakala sistem eLEARN pula adalah medium pembelajaran kursus ini iaitu mengandungi nota kursus, video kursus dan kuiz kefaamanan di akhir kursus.</p> <p>Pada kursus ini terdapat empat (4) slot iaitu rakaman video kursus dan nota kursus. Slot pertama ialah Pengenalan Ilmu Falak yang disampaikan oleh tenaga pengajar dalam INSTUN iaitu Sr Rabiulkhairi bin Mohd Nor. Slot kedua dan ketiga iaitu bagi tajuk Pengenalan Arah Kiblat dan Pengenalan Waktu Solat telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Faizal bin Jani, Jabatan Mufti Negeri Perak. Manakala slot keempat iaitu Pengenalan Takwim telah disampaikan oleh En. Wan Kamel bin Wan Hussain dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Video kursus yang dirakam oleh penceramah ini dimuat naik pada aplikasi <i>YouTube</i> iaitu pada saluran INSTUN Academy.</p> <p>Bagi memudahkan interaksi bersama peserta sebelum, semasa dan selepas kursus berlangsung, pihak Urus Setia kursus telah membuka “<i>Whatsapp Group</i>” dan menjemput peserta untuk menyertai “<i>Whatsapp Group</i>” ini.</p> <p>Sebagai Penolong Ketua Program bagi kursus ini, berikut dinyatakan antara penambahbaikan yang perlu diteliti sepanjang mengendalikan kursus ini. Antaranya:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Ruangan <i>chatroom</i> pada sistem eLEARN perlu diteliti semula kerana apabila penceramah ingin menjawab pertanyaan peserta, mesej yang sebelumnya dihantar oleh peserta didapati tiada 2) Penggunaan sistem pembelajaran perlu diteliti dari semasa ke semasa. Dicadangkan, semakan ulang pada sistem kursus perlu dilakukan secara berkala sebelum kursus berlangsung. Jika sistem pembelajaran tidak berfungsi, maka disyorkan pihak berkenaan untuk memaklumkan lebih awal bagi persediaan perancangan alternatif yang sewajarnya oleh pihak urus setia. 3) Disyorkan perlu suatu kaedah atau mekanisma yang sewajarnya dari segi teknikal iaitu peserta yang tidak berdaftar di sistem eSPEK INSTUN adalah tidak layak untuk mengikuti kursus di sistem eLEARN. Ini kerana acapkali berlaku isu dimana peserta tersebut tidak berdaftar di sistem eSPEK tetapi berjaya mengikuti kursus di sistem eLEARN dengan melakukan tugas yang diberikan. <p>Justeru, diharapkan cadangan penambahbaikan ini akan diteliti dari semasa ke semasa untuk memastikan matlamat sesebuah kursus itu tercapai.</p>
PENILAIAN PESERTA	<p>Berikut adalah diantara komen oleh peserta kursus pada menu penilaian kursus pada sistem eSPEK INSTUN: -</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengenalan kursus secara <i>online</i> adalah sesuatu yang baharu di INSTUN. Oleh yang demikian, masih banyak ruang yang perlu dan boleh diperbaiki dari semasa ke semasa. walau bagaimanapun, syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kursus pada kali ini. terima kasih 2. Terbaik dan boleh diwar-warkan ke institusi pendidikan juga 3. Kursus yang memberi manfaat dan pengetahuan berkaitan waktu solat dan arah kiblat. Terbaik... 4. Alhamdulillah, Ilmu Allah sangat luas 5. Baik, sila teruskan. <p>Oleh yang demikian, segala komen dan maklum balas yang diberikan ini, akan diteliti dan dilakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa oleh pihak yang berkaitan.</p>

Disediakan oleh:-

Nama : Sr Siti Arifah binti Abdul Kader

Jawatan: Penolong Ketua Program Ukur (Geodetik)/ Unit Geodesi Fizikal

Tarikh : 2 September 2020